



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA BEBAS JANGKITAN *STREPTOCOCCUS SUIS*

PUTRAJAYA - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menerima pelbagai reaksi terhadap laporan media tempatan Thailand tentang kes kematian manusia akibat jangkitan bakteria *Streptococcus suis* yang berpunca daripada ternakan babi di Thailand baru-baru ini. Penyakit tersebut atau *streptococcosis* yang juga dikenali sebagai ***deafness fever*** pada manusia, telah mencetuskan amaran kesihatan awam di negara Thailand. Walau bagaimanapun, sehingga saat ini, Malaysia **MASIH BEBAS** daripada sebarang wabak penyakit babi yang disebabkan bakteria *Streptococcus suis*.

Streptococcus suis merupakan bakteria penting yang menyebabkan penyakit *streptococcosis* pada ternakan babi terutamanya dalam kalangan anak babi selepas bercerai susu. Penyakit ini merupakan penyakit zoonotik iaitu penyakit yang boleh menjangkiti manusia melalui luka terbuka yang terdedah kepada darah atau cecair daripada babi yang dijangkiti atau dengan memakan daging babi yang tidak dimasak sempurna.

Antara tanda klinikal awal penyakit ini pada ternakan babi ialah demam, selera makan tidak menentu, tempang yang berubah-ubah antara kaki, kelesuan dan kemurungan. Ternakan babi yang dijangkiti juga boleh menunjukkan tanda klinikal meningitis yang lebih ketara seperti menarik telinga ke belakang serta mengelirkkan mata, hilang koordinasi pergerakan

dan menunjukkan posisi badan yang luar biasa (contohnya duduk seperti anjing).

Gejala ini kemudiannya boleh berkembang dengan cepat sehingga tidak mampu untuk berdiri, pergerakan mengayuh kaki, kekejangan otot belakang yang menyebabkan badan melengkung, sawan, dan pergerakan

mata yang tidak terkawal (*nystagmus*). Dalam kes perakut (*peracute*), ternakan babi boleh mati tanpa menunjukkan sebarang tanda klinikal awal. Para penternak perlulah melaporkan segera kepada DVS sekiranya mengesan sebarang tanda tersebut.

Bakteria ini lazimnya mendiami bahagian atas saluran pernafasan babi secara semula jadi, khususnya di kawasan tonsil, dan boleh juga dijumpai di saluran pembiakan dan sistem pencernaan babi yang sihat. Walau bagaimanapun, apabila ternakan babi berada dalam keadaan tekanan tinggi, bakteria *Streptococcus suis* boleh menyebabkan penyakit *streptococcosis* kepada ternakan babi tersebut. Antara faktor yang boleh menyebabkan tekanan tinggi kepada ternakan babi termasuklah;

1. Kepadatan ternakan babi yang terlalu tinggi
2. Pengudaraan yang sangat teruk dan tidak mencukupi
3. Perubahan turun naik suhu yang melampau
4. Pencampuran ternakan babi dengan perbezaan umur melebihi 2 minggu, dan
5. Ternakan babi sedang dijangkiti penyakit lain.

Justeru itu, para penternak dan pengendali ternakan babi dinasihatkan untuk memastikan perkara berikut sentiasa dipatuhi:

1. Amalkan biosekuriti ladang yang baik
2. Pastikan kebajikan ternakan babi sentiasa terjaga

3. Memantau kesihatan ternakan babi setiap masa, dan
4. Melaporkan dengan segera kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar sekiranya terdapat sebarang tanda penyakit pada ternakan babi.

DVS sentiasa memantau situasi semasa dan kekal komited memastikan kesihatan haiwan serta keselamatan makanan berasaskan haiwan sentiasa terpelihara demi melindungi kesihatan awam veterinar dan kesejahteraan rakyat.

Bagi individu yang terlibat dalam industri babi (penternak, pekerja rumah sembelih, pengangkut daging, dan penjual daging), amalkan langkah-langkah perlindungan diri yang sesuai seperti memakai sarung tangan dan pakaian pelindung semasa mengendalikan babi atau produk babi. Setiap penternak dan pengendali ternakan babi digalakkan berwaspada terhadap perubahan kesihatan diri dan segera mendapatkan pemeriksaan di fasiliti kesihatan sekiranya bergejala.

DVS turut menyeru semua pihak, khususnya para penternak, agar sentiasa peka terhadap perkembangan semasa penyakit haiwan dan melaporkan segera sebarang tanda klinikal kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar berhampiran atau melalui talian *hotline* 03-8870 2041.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
13 MEI 2025**